

Taklimat khas perkembangan kes kepada waris mangsa

Satu taklimat bakal diadakan kepada waris dan ahli keluarga mangsa pesawat Malaysia Airlines MH17 yang ditembak jatuh di Ukraine mengenai perkembangan terkini kes termasuk berkaitan pendakwaan suspek di Belanda, pada Khamis depan.

“Kita akan menjemput semua waris dan saya sendiri akan berbincang dan memberi taklimat kepada mereka, malah kerajaan mengulangi pendirian bahawa keadilan perlu ditegakkan, suspek yang bertanggungjawab dalam tragedi ini perlu dihadapkan ke mahkamah.

“Malaysia selain semua negara yang terbabit sedang bertungkus lumus dan bekerja keras untuk membawa suspek ini ke muka pengadilan,” katanya pada sidang media selepas menyempurnakan majlis pembukaan pusat pengedaran global Renesas Electronics, di sini, semalam.

Tiong Lai, dalam satu kenyataan kelmarin berkata, Malaysia bersetuju bahawa pendakwaan terhadap mereka yang bertanggungjawab menembak pesawat Malaysia Airlines penerbangan MH17 di Ukraine pada 2014, dilakukan di Belanda.

Beliau menjelaskan, Malaysia bersama-sama rakan dalam Pasukan Penyiasat Bersama (JIT) iaitu Belanda, Belgium, Ukraine dan Australia, bersetuju mengenai pendakwaan nasional dibuat di Belanda sebagai proses berkesan memastikan kebertanggungjawaban untuk mematuhi standard tertinggi antarabangsa.

Katanya, perbicaraan akan berlangsung dalam rangka prosiding keadilan jenayah Belanda berdasarkan undang-undang jenayah substantive dan prosedur.

Tiong Lai berkata, Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali akan mewakili Malaysia pada prosiding perbicaraan nanti selepas lima negara terbabit bersetuju tidak menggunakan mahkamah antarabangsa sebaliknya menggunakan mahkamah antrabangsa sebaliknya menggunakan undang-undang Belanda untuk pendakwa.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 21 | 7 JULAI 2017